

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dr. Kelvin Yii Lee Wuen
[Bandar Kuching]**

TARIKH : 01 November 2018 (Khamis)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pelaksanaan Stage Bus Services Transformation (SBST) di Kuching. Nyatakan jangka masa dan tarikh pelaksanaan, jumlah keseluruhan kontrak, pelan terkini serta terperinci, perubahan dalam kontrak tersebut atas permintaan kerajaan negeri Sarawak dan sebab kelewatan pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Kontrak SBST telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dengan dengan Konsortium BBK Sdn. Bhd iaitu sebuah gabungan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negeri Sarawak pada 22 November 2017 yang telah diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu.
2. Jangka masa tarikh pelaksanaan adalah selama lima (5) tahun seperti yang tertakluk dalam Perjanjian Kontrak dengan syarat Konsortium BBK Sdn. Bhd. perlu memenuhi syarat dan terma yang dinyatakan.
3. Jumlah yang akan dibayar kepada Konsortium BBK Sdn. Bhd. mengikut Kontrak adalah tidak melebihi RM48,181,723.08 sahaja setahun, dan jumlah keseluruhan kontrak tidak melebihi RM240,908,615.40 sahaja untuk jangka masa lima (5) tahun beroperasi.
4. Pelan asal yang dikemukakan adalah dengan menggunakan 130 buah bas Diesel yang meliputi keseluruhan jarak sepanjang 560km, 27 laluan [15 laluan teras (trunk) dan 12 laluan pengantara (feeder)] dengan kadar kos operasi yang ditetapkan dalam Perjanjian Kontrak.
5. Pada Februari 2018, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan bas elektrik sepenuhnya dan kadar pemberian geran peruntukkan yang berbeza dari Perjanjian Kontrak asal. Pada masa ini cadangan tersebut masih dalam peringkat pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan dan perluasan SBST di Malaysia juga bergantung kepada keupayaan kewangan semasa kerajaan.

NO. SOALAN: 26

6. Walau bagaimanapun, kerajaan komited untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di bandar-bandar utama di seluruh Malaysia dengan kerjasama yang lebih rapat antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Sekian, terima kasih.